

Langkah Malaysia wujudkan undang-undang jenayah seksual terhadap kanak-kanak disokong

Hukuman setimpal ke atas pelaku

■ KUALA LUMPUR 14 MAC

BEKAS Presiden Indonesia, Megawati Soekarnoputri menyokong penuh inisiatif kerajaan Malaysia dalam memperkasakan undang-undang jenayah seksual terhadap kanak-kanak di negara ini.

Beliau berkata, Rang Undang-Undang Kesalahan Seksual Kanak-Kanak 2017 yang bakal dibentangkan di Parlimen bukan sahaja dapat melindungi kanak-kanak malah dapat menjamin masa depan yang lebih baik kepada golongan tersebut.

"Kekerasan terhadap wanita dan kanak-kanak adalah kejahatan paling keji terhadap kemanusiaan. Jelas bahawa kita bersendirian tidak mampu menghentikannya.

"Kerjasama padu diperlukan untuk menangani masalah ini

dengan melahirkan undang-undang yang adil terhadap kaum wanita dan kanak-kanak. Kami (Indonesia) ingin bersama-sama dalam memperjuangkan perkara ini," katanya dalam sidang akhbar selepas menyampaikan perutusan khas sempena Seminar Jenayah Seksual Kanak-Kanak: Hentikan!! di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Yang turut hadir dalam sesi perutusan khas itu ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor merangkap Penaung seminar tersebut. Menurut Megawati, un-

dang-undang baharu yang akan diwujudkan Malaysia itu diharapkan dapat dikongsi dengan negara-negara ASEAN lain pada masa depan sebagai langkah bersama dalam memberantas jenayah seksual terhadap kanak-kanak di rantau ini.

Ujarnya, perjuangan memberantas jenayah itu seharusnya menjadi perjuangan bersama dalam menegakkan keadilan dan hak asasi manusia secara keseluruhan.

"Kita mahu dunia ini menjadi tempat kanak-kanak menikmati masa mereka dengan gembira dan dalam masa sama kita harus mempersiapkan masa depan yang gemilang buat mereka," katanya. Sementara itu, Rosmah dalam sidang akhbar itu menyuarakan semua pihak terutama

ahli Parlimen menyokong rang undang-undang tersebut kerana Malaysia ketika ini tiada undang-undang khusus melibatkan jenayah seksual kanak-kanak. Dengan adanya undang-undang baharu itu kelak, kata beliau, pesalah dapat diheret ke mahkamah dan dikenakan hukuman setimpal, sekali gus memberi keadilan kepada mangsa.

"Dalam pada itu, saya akan berbincang dengan ibu Megawati tentang bagaimana cara membawa perkara ini ke peringkat ASEAN dan menjadikannya sebagai agenda utama dalam mesyuarat ASEAN akan datang," katanya.



ROSMAH MANSOR (duduk, tengah) bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said (duduk kiri) dan Ahli Majlis Pelaksanaan Program PERMATA, Prof. Emerita Tan Sri Dr. Sharifah Habsah Syed Hasan Shahbudin (duduk, kanan) bersama para peserta menunjukkan simbol 'Hentikan!!' pada majlis penutup Seminar Jenayah Seksual Kanak-kanak: Hentikan!! di PWTC, Kuala Lumpur, semalam. -UTUSAN/FARID JANUDDIN



MEGAWATI SOEKARNOPUTRI menyampaikan perutusan khas dalam Seminar Jenayah Seksual Kanak-kanak: Hentikan!! di PWTC, Kuala Lumpur, semalam.

Undang-undang baharu yang akan diwujudkan Malaysia itu diharapkan dapat dikongsi dengan negara-negara ASEAN lain pada masa depan sebagai langkah bersama dalam memberantas jenayah seksual terhadap kanak-kanak di rantau ini."

MEGAWATI SOEKARNOPUTRI
Bekas Presiden Indonesia.